



MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL LATIHAN KOMPUTER DESA DI BAWAH PROGRAM ICT DESA TAHUN 2008 RISDA NEGERI PULAU PINANG

TEKS UCAPAN

DATO' ALI NORDIN BIN WAHIDUDDIN
TIMBALAN KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN RISDA

DEWAN UMNO PERMATANG PAUH
PULAU PINANG
21 OGOS 2008 (4.00 petang)

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Muhammad bin
Muhammad Taib
Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Yang dihormati En Awiskarni bin Zulkarnaini
Pengarah RISDA Negeri Pulau Pinang

Yang dihormati Tn. Hj. Kamarudin bin Hj. Ismail
Pengarah KEMAS Negeri Pulau Pinang

dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

1.0 PENGHARGAAN

Marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya, dapat kita hadir bersama-sama dalam Majlis Penyampaian Sijil Latihan Komputer Desa di bawah Program ICT Desa Tahun 2008 RISDA Negeri Pulau Pinang pada hari ini. Terlebih dahulu izinkan saya menyampaikan salam daripada Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah RISDA yang tidak dapat hadir bersama hari ini kerana terpaksa menyampaikan kertas kerja di 'National Rubber Agribusiness

3

Conference' di Jogjakarta, Indonesia . Bagi pihak RISDA, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Muhammad bin Muhammad Taib, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kita yang kita kasihi, kerana sudi melapangkan masa untuk menghadiri Majlis kita pada hari ini walaupun kita tahu beliau amat sibuk pada masa ini. Dalam jadual tugas yang begitu padat dan ketat, YB Tan Sri Sri masih tetap memberi ruang masa untuk hadir bersama kita bagi memberi amanat dan menyuntik semangat kepada semua. Sesungguhnya kehadiran YB Tan Sri memberi semangat dan dapat merangsangkan usaha RISDA untuk membangunkan masyarakat

4

Pekebun Kecil. Ucapan ribuan terima kasih juga kepada para jemputan atas sokongan dan keperihatinan Dato'-Dato' dan Tuan-Tuan dan Puan-puan untuk turut serta dalam Majlis ini. Saya juga mengambil peluang ini untuk mengalu-alukan kehadiran pekebun kecil, satu kehadiran yang melambangkan semangat kekitaan dalam keinginan untuk melihat Negara kita berjaya.

2.0 PERANAN RISDA DALAM ICT

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bergerak dengan begitu pantas sekali. Secara sedar atau tidak, tempiasnya turut dirasai oleh semua lapisan masyarakat tanpa

sempadan dan melangkaui batas geografi, budaya dan juga penduduk. Atas kesedaran inilah, pada tahun 2006, RISDA melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah turut serta dalam arus perkembangan tersebut dengan menubuhkan Medan Info Desa khusus untuk masyarakat pekebun kecil di luar bandar. Setakat ini sejumlah 11 buah MID di bawah kelolaan RISDA telah dilaksanakan di seluruh negara. Penubuhan MID ini bertujuan untuk memperkasakan masyarakat pekebun kecil dengan pengetahuan ICT serta merapatkan jurang digital antara bandar dan luar bandar. Ia dilaksanakan dengan tujuan untuk memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan tentang ICT kepada

pekebun kecil melalui latihan formal dan informal di dalam aspek aplikasi komputer dan internet. Bagi meningkatkan usaha penggunaan ICT, semua MID dilengkapi dengan peralatan komputer dan sistem internet secara atas talian. Selain itu, kursus membaik pulih komputer dan multimedia disediakan kepada generasi kedua. Seterusnya, mereka di bimbing untuk menceburi dalam bidang keusahawanan ICT yang tentunya membantu menambah sumber pendapatan dan meningkatkan taraf sosio-ekonomi pekebun kecil. Secara tidak langsung, matlamat RISDA supaya masyarakat pekebun kecil menikmati kehidupan lebih sejahtera dapat di capai dan memperoleh pendapatan sekurang-

7

kurangnya RM 2,000.00 sebulan sekeluarga sepertimana yang disasarkan oleh RISDA.

3.0 Latihan Komputer Desa (LKD) Program ICT Desa

Pelaksanaan Siri Kursus Literasi Desa merupakan antara program yang dilaksanakan di MID di bawah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Jumlah peruntukan Program Latihan ICT Desa bagi tahun 2008 yang telah disalurkan oleh KKLW kepada RISDA adalah RM 1,570,500 iaitu RM 490,500 sebagai Pelaksana dan RM 1,080,000 sebagai Pembayar. Jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan bagi pelaksanaan latihan komputer desa (LKD)

8

Program ICT Desa di Pulau Pinang adalah RM 283,500 pada tahun 2007 dan RM 126,000 pada tahun 2008 di 4 buah MID iaitu MID Padang Menora, MID Kg. Selamat, MID Mengkuang Titi dan MID Sg. Chenaam. Saya berharap Tuan-Tuan dan Puan-Puan akan menggunakan ilmu komputer yang telah diberi oleh kerajaan ini digunakan sebaik mungkin dan terus mempelajarinya secara berterusan seiring dengan zaman globalisasi yang semakin mencabar ini.

4.0 USAHA RISDA DALAM ICT UNTUK PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENYAMPAIAN KEPADA PEKEBUN KECIL

Sistem penyampaian kepada pekebun kecil diperkemaskan:

- i. Kelulusan permohonan untuk tanam semula dipendekkan daripada 60 hari kepada 14 hari.
- ii. Bayaran bantuan tanam semula semasa dalam tempoh 14 hari
- iii. Bayaran bantuan Tanam Semula Berturut dalam tempoh 12 hari.
- iv. Bekalan Benih kepada pekebun kecil dalam tempoh 15 hari – Penubuhan Tapak Semaian Transit dan Insitu

- v. Bekalan Baja dalam tempoh 14 hari – Bekalan baja just in time (JIT)
- vi. Permohonan Tanam Semula On Line (e-TS)sedang Dan e-Benih diuruskan
- vii. Membangun sistem penggunaan tanah secara berkomputer contoh kerjasama dengan MACRES untuk imej tanah(remote sensing) dan cadangan rangkaian dengan sistem e-tanah.
- viii. Membangunkan Sistem Aplikasi Pejabat RISDA Stesen
- ix. RISDA juga sedang mengemaskini Sistem Maklumat Pekebun Kecil atau SMPK iaitu sistem yang menyelenggara maklumat, profil pekebun kecil secara

11

on line bagi memudahkan perancangan, pemantauan dan penilaian.

- x. Sistem On-Line e- Aduan untuk pekebun kecil menyuarakan ketidakpuasan hati terhadap perkhidmatan RISDA juga telah bermula dan akan menyeluruh di seluruh negara tidak lama lagi.

5.0 HARAPAN MASA DEPAN

Bagi memastikan ICT terus berkembang di kalangan pekebun kecil, RISDA akan terus berusaha untuk menambahkan bilangan MID yang ada untuk memberi faedah kepada lebih ramai pekebun kecil di seluruh negara dan MID-MID yang sedia ada ini akan dinaiktarafkan menjadi Pusat ICT yang lebih mantap dengan

12

tujuan untuk melahirkan masyarakat pekebun kecil yang mahir menggunakan komputer dan teknologi bagi memasarkan produk mereka di samping mampu mengakses maklumat dan berfikiran terbuka bagi melahirkan modal insan kelas pertama sebagaimana yang dihasratkan oleh negara kita.

6.0 PENUTUP

Kita sebagai rakyat yang dilahirkan di bumi Malaysia yang aman dan berpotensi ini seharusnya bersyukur atas segala nikmat keamanan dan kestabilan politik yang sedang kita kecapi ketika ini. Adalah menjadi harapan RISDA supaya pekebun kecil terus

merebut peluang-peluang yang disalurkan oleh Kerajaan dan memberi komitmen untuk menjayakan apa-apa aktiviti yang dilaksanakan oleh kerajaan. RISDA hanya boleh merancang dan membantu tetapi pekebun kecil sendiri mestilah menetapkan matlamat hidup mereka dan berusaha untuk mencapainya manakala yang lain diserahkan kepada ALLAH S.W.T.

Saya tidak berniat untuk berucap panjang kerana sebentar lagi YB Tan Sri akan menyampaikan ucapan yang penting untuk kita hayati. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Tan Sri di atas kesudian untuk menghadiri Majlis RISDA pada

hari ini serta menyampaikan Sijil Latihan Komputer Desa Program ICT Desa Negeri Pulau Pinang. Juga terima kasih kami kepada para jemputan dan pekebun kecil yang hadir. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada Pengarah RISDA Negeri Pulau Pinang serta stafnya atas kesungguhan menjayakan majlis ini. Saya berdoa semoga Majlis kita pada hari ini membuahkan hasil seperti yang diharapkan.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah. Wsb.